

# Bukan salah BN jika kebebasan wanita terhapus

BH 11 APR 2000

MELAKA. Isnin - Wanita sepatutnya tidak menyalahkan kerajaan Barisan Nasional (BN) jika kebebasan yang mereka miliki selama ini terhapus sebaik saja parti pembangkang mengam- bil alih pentadbiran se- sebuah negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, (**gambar**) berkata kebebasan ketika itu se- perti berpakaian, berko- munikasi dengan masya- rakat dan membabitkan diri dalam pelbagai per- satuan, menjadi terhad sehingga pergerakan mereka terbatas.

Menurutnya, keadaan seperti itu ber- laku di beberapa negeri yang dikuasai pembangkang, sehingga wanita di ne- geri berkenaan tidak bebas menyuarakan pendapat mereka.

Beliau mengingatkan jika segala ke- bebasan dan kemajuan yang dinikmati se- karang tidak dihargai sepenuhnya, sudah tentu generasi akan datang akan turut me- rasai kesannya.

"Oleh itu, menghargai kebebasan dan kemajuan yang dicapai hari ini, akan menjadikan seseorang wanita itu lebih yakin kepada kemampuan me- reka," katanya pada majlis perasmian bangunan Persatuan Hal Ehwal Wa- nita (Hawa) negeri di Peringgit di sini, hari ini.

Perasmian itu dilakukan oleh Ke- tua Menteri. Datuk Wira Mohd Ali

Rustam dan turut diha- diri Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya Senator Datuk Hazizah Mohd Sultan.

Shahrizat berkata, kera- jaan sentiasa meletakkan wanita di tempat yang se- taraf dengan kaum lelaki, bagi memberikan mereka peluang membantu mema- ju dan mentadbirkan ne- gara.

Disebabkan itu, kata- nya, Datuk Seri Dr Maha- thir Mohamad, bertindak meletakkan Hawa di ba- wah Jabatan Perdana Men- teri supaya segala isu wa- nita mendapat perhatian terus daripada Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Shahrizat mengingat- kan wanita supaya tidak menyalahguna- kan kebebasan yang ada kerana boleh menjejaskan usaha kerajaan terus mem- bela nasib wanita.

"Ibu perlu berganding bahu dengan bapa dan tidak mengambil kesempatan daripada Akta Keganasan Rumah Tang- ga yang ada.

"Di samping terus berusaha memaju- kan diri, ibu juga perlu memberi soko- ngan kepada suami masing-masing su- paya mereka tidak berasa lemah terha- dap akta yang ada," katanya sambil me- minta wanita bermasalah, memaklumkan kepadanya atau kepada jawatankuasa pe- runding Hawa di setiap negeri atau pe- ringkat Parlimen, supaya tindakan penye- lesaian dapat diambil.